

UTUSAN MALAYSIA – RABU 06 SEPTEMBER 2017



TIGA penerima pemenang pertandingan *WInnovation* memegang replika cek yang diterima, untuk bergambar bersama Najib Tun Razak dan isteri, Rosmah Mansor serta Rohani Abdul Karim pada sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Inovasi wanita terima pengiktirafan

SEMPENA sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017, KemENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyelenggarakan Pertandingan *WInnovation* untuk menggalakkan wanita menyumbang idea dan inovasi dalam melaksanakan perubahan. Bertemakan *Be Bold for Change*, KPWKM menggalakkan penyertaan wanita untuk mencipta inovasi dalam bidang kesenian, keusahawanan dan

perniagaan, alam sekitar dan sukan.

Ini selari dengan usaha negara bagi mencapai matlamat menjadikan negara bersatus berpendapatan tinggi, mampam dan saksama dalam menjadikan wanita sebagai pengubah ekonomi global.

Peserta dari Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Pulau Pinang, Fadilah Mohamad yang berjaya mencipta pewarna asli daripada bahan alam sekitar dan bahan buangan

semula jadi memenangi hadiah utama Pertandingan *WInnovation* kategori Anugerah Akar Umbi.

Dua peserta lain yang turut menerima pengiktirafan adalah Dr. Nazirah Ahmad yang mencipta getah bekuan dalam pembinaan jalan mendapat Anugerah Inspirasi, manakala Halimah Ab. Rahim yang mencipta mesin mengupas bawang mendapat Anugerah Bakat Muda.

Membawa pulang wang tunai RM3,000 dan sijil penyertaan,

anugerah tersebut disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selepas majlis pelancaran Hari Wanita Kebangsaan 2017 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim. - **NURSYAMIMI SAIDI**